



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	BERITA HARIAN		
TARIKH	4/11/2019	MUKA SURAT	: 50
JABATAN	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	PERHATIAN		

Bekalan air terjejas angkara gajah liar

Tangki tадahan musnah, paip pecah ambil masa lama untuk dibaiki

Gua Musang: Lebih 300 penduduk Orang Asli suku Batek di Kampung Aring 5, di sini berdepan masalah bekalan air bersih selepas tiga tangki tадahan air bukit di kawasan pemimpatan itu dinusnahkan sekumpulan gajah liar.

Dalam kejadian kira-kira jam 11 malam kelmarin, hanyatiga tangki air dipecahkan, matal saluran paip ke rumah penduduk turut pecah dipijak kumpulan gajah berkenaan.

Pengnulu Orang Asli Kampung Aring 5, Rina Anjang, 47, berkata kejadian disebabkan jam 6 pagi semalam selepas penduduk men-

dapati bekalan air bersih ke ruang mereka terputus sebelum keenan untuk memeriksa keadaan.

Katanya, lokasi itu terletak kira-kira tiga kilometer dari kawasan pemimpatan terbabit dan mengambil masa sejam untuk sampai sebelum penduduk kampong dilemparkan dengan penemuan paip pecah dipercayai dipijak gajah liar.

"Ketika penduduk tiba di lokasi tадahan, tiada gajah yang kelihatan dipercaya sudah masuk ke kawasan hutan berhampiran.

"Usaha membaik pulih dijangka mengambil sedikit masa dan terserah kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Ini mungkin menyebabkan penduduk terpaksa berdepan masalah air bersih untuk tempoh yang panjang," katanya ketika ditemu di lokasi kejadian, di sini semalam.

Penduduk, Husin Selik, 61, pula

menjelaskan kejadian itu yang mah mereputus sebelum kali berlaku di situ walaupun pernah beberapa kali gajah liar ditemu berkeliaran di kawasan pemimpatan berkenaan, namun sekadar memusnahkan tanaman penduduk seperti pi-

"Kali ini, gajah liar itu memusnahkan tiga tangki dan paip air hingga tidak boleh lagi digunakan. Kemungkinan kita terpaksa menggunakan air dari anak sungai berhampiran kampung walaupun tidak terjamin kebersihannya," kata Husin.

Beliau berkata, penduduk tidak mampu membaik pulih tangki dan paip air yang rosak teruk itu kerana membabitkan perbelanjaan tinggi.

"Kami berharap JAKOA boleh

mengambil tindakan segera un-

tertuk menukar tangki dan paip

yang dimusnahkan gajah liar itu

supaya masalah keperluan air

bersih tidak terganggu terlalu la-

ma," katanya.

BERNAMA



Kali ini, gajah liar itu
memusnahkan tiga
tangki dan paip air
hingga tidak boleh
lagi digunakan.

Kemungkinan kita
terpaksa menggunakan air
dari anak sungai berhampiran
kampung walaupun tidak ter-
jamin kebersihannya.

dari anak sungai
berhampiran



Husin Selik,
Penduduk